

PEPENDANG KECIL
Little Cormorant

FAMILI: Phalacrocoracidea
NAMA SAINTIFIK: *Phalacrocorax niger*

CIRI-CIRI

Spesies ini mempunyai bentuk badan yang sama seperti itik. Ia mempunyai leher yang panjang, ekor yang agak lebar dan kaki yang berselaput. Paruhnya agak tirus dengan hujung yang berbentuk cangkuk. Semasa luar musim pembiakan, individu dewasa mempunyai bulu berwarna hitam dengan paruh berwarna pudar dan bahagian dagu yang berwarna putih. Semasa musim pembiakan pula, bahagian kepala dan bahagian bawah badan menjadi hitam berkilat dengan jalur putih di atas kepala dan paruh kehitaman. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah antara 51.5-54.5 sm.

MAKANAN

Diet bagi spesies ini terdiri daripada ikan.

HABITAT

Spesies ini menghuni pelbagai jenis habitat tanah lembap terutamanya di paya bakau, paya air tawar dan juga kawasan air payau sehingga ke ketinggian 1,450 dari aras laut.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini ialah di antara bulan Oktober Jun dan pembiakan adalah secara berkeloni di kawasan tanah pamah. Sarang yang agak besar dan berbentuk seperti pelantar biasanya dibina di atas pokok dan rumpun buluh. Individu betina boleh menghasilkan antara 3-5 biji telur yang berwarna hijau kebiruan. Spesies ini juga berkemampuan untuk berenang, menyelam dan terbang dengan kelajuan yang tinggi.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.